

Pasdec catat peningkatan perolehan RM104.3 juta

KUANTAN: Pasdec Holdings Berhad (Pasdec) mencatatkan peningkatan perolehan sebanyak RM104.3 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006 iaitu peningkatan 45 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Jumlah berkenaan diperoleh hasil sumbangan sektor hartanah yang tinggi iaitu RM72 juta dan sektor pembinaan pula RM20.1 juta manakala selebihnya daripada sektor lain.

Bagaimanapun, pengurusinya, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata walaupun perolehan lebih tinggi, Pasdec hanya mencatat keuntungan lebih rendah iaitu RM1.25 juta berbanding tahun sebelumnya.

"Ia berlaku berikutan perbelanjaan berkaitan terbitan RM150 juta 'Rainbow Exchangeable Bonds' (REB) bagi membiayai projek hartanah terbaru dan

membayar pinjaman," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat agung tahunan Pasdec kali ke-11, semalam.

Dalam perkembangan sama, Adnan yang juga Menteri Besar Pahang berkata, Pasdec akan terus menjalankan aktiviti perniagaan terasnya iaitu pembangunan hartanah, pengurusan projek, pembinaan, pengurusan resort dan kondominium, pengeluaran batu bata dan bahan pembinaan.

Katanya, pembangunan hartanah komersial dan kediaman memberi sumbangan besar terhadap perolehan Pasdec apabila sebahagian besar 642 unit yang dibina berjaya dijual.

"Projek pembangunan hartanah Pasdec yang baru dan sedia ada termasuk Pasdec Damansara, Bandar Putra, Balok Perdana, Chendor Utama dan Putra Square di Kuantan," katanya.